

BULETIN UTHM

Bil.2 FEBRUARI 2023 | ISSN 2232-0415



**“Bersedia untuk berubah,
laksana tugas dengan ihsan”
– Naib Canselor UTHM**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Bersedia untuk berubah, laksana tugas dengan ihsan – Naib Canselor UTHM
- 3 Konvoi sambil promosi universiti, semarakkan sambutan 30 tahun UTHM
- 5 UTHM berjaya rangkul On Campus Award daripada IET
- 6 UTHM raih kejayaan dalam Pertandingan Malaysia Culinary World Cup
- 7 Pelajar UTHM bangunkan SPAH, beri alternatif kepada komuniti dapat bekalan air mencukupi
- 9 UTHM-PAM-MBJB anjur 'Architectural Heritage Inventory 2023' – mahu pelihara warisan senibina bangunan
- 11 Program Inap Desa Herba bantu komuniti pelbagaikan produk, rancang aktiviti pelancongan
- 13 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Bersedia untuk berubah, laksanakan tugas dengan ihsan – Naib Canselor UTHM

BATU PAHAT – Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim hari ini telah menyampaikan amanat beliau bagi tahun 2023 kepada seluruh warga kerja universiti.

Majlis Amanat yang disampaikan secara fizikal dan dalam talian itu menjadi platform kepada Naib Canselor untuk menyampaikan hasrat dan perancangan universiti bagi tahun semasa.

Prof. Ruzairi dalam ucapannya berkongsi tentang ringkasan pencapaian Key Performance Indicator (KPI) utama universiti pada tahun 2022 dan 15 KPI Utama bagi tahun 2023 yang perlu diberi perhatian dan kerjasama oleh warga kampus.

Beliau turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah bertungkus lumus dalam memastikan sasaran atau KPI pada tahun lalu dapat dicapai.

Pada masa yang sama, Prof. Ruzairi turut mengimbas kembali intipati perutusan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri

Mohamed Khaled Nordin baru-baru ini yang menyentuh 11 perkara fokus dengan memberi penekanan kepada tiga perkara iaitu Pengurusan KPT dan Kepimpinan Universiti, Rombakan Terhadap Sistem dan Ekosistem TVET Nasional dan Kualiti dan Kecemerlangan Akademik.

Beliau juga turut mengingatkan warga kerja untuk memberi perhatian yang lebih kepada beberapa perkara antaranya pelaksanaan Inisiatif Utama UTHM melalui empat fungsi dan objektif universiti iaitu UTHM Edu-Train, UTHM Technopreneur, UTHM Prihatin dan UTHM Governan berlandaskan enam tonggak Madani yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia sebelum ini.

Beliau dalam ucapannya sekali lagi menyeru warga kampus agar bersama-sama menjayakan hala tuju universiti iaitu Global Technopreneur University 2030 (GTU 2030) yang bermatlamat meletakkan UTHM sebagai universiti peneraju dalam melahirkan golongan teknousahawan negara.

berharap kita semua dapat bekerja secara berkumpulan, bersedia untuk berubah dengan bersikap terbuka dan bersedia menimba ilmu baharu di samping berusaha meningkatkan kreativiti dengan mencipta inovasi dan berimajinasi kreatif bagi menyelesaikan masalah.

“Lakukanlah semua tugas yang diamanahkan dengan ihsan dengan mengamalkan sikap saling bantu membantu dan mengambil peduli terhadap rakan-rakan sekeliling,” katanya.

Turut berlangsung sesi pelancaran UTHM Expert Management System (U-EMAS) UTHM iaitu satu sistem yang memaparkan maklumat berkaitan profil penyelidik, maklumat penerbitan ilmiah dan juga aktiviti penyelidikan staf dan pelajar.

Sistem yang dibangunkan oleh Perpustakaan Tunku Tun Aminah dengan kerjasama Pusat Teknologi

Maklumat itu bertujuan untuk meningkatkan visibiliti penyelidik UTHM sekali gus sebagai usaha menggalakkan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi di universiti ini.

Turut diadakan, penyerahan buku “Sasaran Kerja Tahunan Universiti 2022” terbitan Pejabat Strategik dan Pengurusan Risiko kepada Ketua-ketua Fokus.

Buku tersebut diterbitkan saban tahun bertujuan untuk dijadikan rujukan kepada barisan kepimpinan universiti dalam merangka aktiviti bagi mencapai sasaran tahunan.





Konvoi sambil promosi universiti, semarakkan sambutan 30 tahun UTHM

ISKANDAR PUTERI - Sebanyak 23 kenderaan rasmi dan persendirian bernombor plat khas UTHM berkonvoi ke Iskandar Puteri bagi mempromosi universiti kepada masyarakat sempena sambutan 30 tahun penubuhan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kumpulan konvoi yang diketuai Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen, Haizal Ahmad @ Mohamad melibatkan penyertaan 72 peserta terdiri daripada staf UTHM dan ahli keluarga masing-masing.

Mereka berkonvoi bagi mengikuti lawatan rasmi ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Dewan Negeri Johor dan Stadium Sultan Ibrahim yang terletak di Iskandar Puteri.

Menurut Ketua Pustakawan, Zaharah Abd Samad selaku wakil rasmi Naib Canselor, program ini merupakan program kedua diadakan selepas berlangsungnya Majlis Doa Selamat sempena sambutan 30 tahun UTHM yang diadakan pada 14 Februari lalu di Masjid Haji Muhammad Yassin, Bandar Universiti Pagoh.

Tambah beliau, program konvoi itu bertujuan mempromosi nombor plat khas siri UTHM yang telah dibuka jualannya sejak tiga tahun lalu di samping sebagai usaha untuk mengeratkan ukhwah antara universiti dan kerajaan negeri.

“Pihak UTHM juga mengambil peluang tersebut untuk bertemu dengan penjawat awam yang sedang bekerja tetapi berkeinginan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan.

“Satu sesi taklimat telah diadakan bagi memberi maklumat terkini kepada staf yang bekerja di pejabat-pejabat kerajaan negeri Johor yang berminat untuk melanjutkan pengajian di UTHM dengan menggunakan laluan kemasukan sijil APEL,” katanya.

Hadir sama menyambut delegasi, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor, Cik Norlizah Noh.



Zaharah yang mewakili Naib Canselor turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor kerana memberi peluang dan ruang untuk mempromosikan UTHM sebagai universiti awam yang kedua di negeri Johor, yang mana Canselornya adalah DYAM Tunku Ismail Ibrahim Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor.

“Pihak kami sangat berbesar hati menerima kunjungan mana-mana agensi kerajaan ke UTHM dan akan menyambut baik jika ada yang ingin menjalinkan kerjasama menganjurkan program mahupun aktiviti yang bermanfaat kepada masyarakat,” katanya.

Dalam rangka lawatan itu juga, delegasi UTHM turut menyerahkan bantuan melalui Yayasan UTHM kepada wakil Pengurusan Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan dan Impian Syimah sebagai salah satu inisiatif khidmat masyarakat di bawah program UTHM Prihatin.





UTHM berjaya rangkul On Campus Award daripada IET

KUALA LUMPUR – Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya merangkul *On Campus Award* untuk kategori *Most Financially Savvy Award* daripada *The Institution of Engineering and Technology (IET) Malaysia Network*.

Anugerah tersebut diterima ketika menghadiri 10th IET Malaysia Network Prestige Lecture & Award Dinner (PLAD2022) yang diadakan pada 18 Februari 2023 lalu bertempat di Hotel Alof, Kuala Lumpur.

Anugerah tersebut disampaikan oleh *British High Commissioner to Malaysia*, Charles Hay yang mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI).

Menurut penasihat program, Ts. Dr. Syed Zahurul Islam, pengiktirafan tersebut dinilai berdasarkan perancangan aktiviti yang kukuh, kreativiti dan kos yang minimalis namun masih mengekalkan standard profesionalisme IET yang tinggi.

Untuk rekod, IET merupakan komuniti kejuruteraan antarabangsa dengan penglibatan lebih 100,000 profesional dari seluruh dunia.

Manakala, *IET On Campus* ialah komuniti pelajar di universiti bagi memberi peluang kepada pelajar kejuruteraan dan teknologi untuk terlibat, menyerlah dan mempamerkan kualiti diri.

Menurut penasihat program, Ts. Dr. Syed Zahurul Islam, *IET on Campus* UTHM merupakan inisiatif untuk memastikan pelajar-pelajar di UTHM mendapat pendedahan yang lebih luas, dengan jaringan kerjasama dan sumber dari universiti-industri.

“Dengan keterlibatan dalam badan profesional ini, pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan pengalaman mereka serta lebih yakin dalam pilihan kerjaya masa hadapan.

“Mereka juga mempunyai peluang untuk mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa sebagai *Chartered Engineer* dan juga Jurutera Profesional yang membawa gelaran Ir. yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia,” katanya.

Aktiviti-aktiviti pelajar *IET on Campus* UTHM turut dibantu oleh Prof. Madya Ir. Dr. Nur Hanis Mohammad Radzi, Prof. Madya Ir. Dr. Rahisham Abd Rahman, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muhammad Saufi Kamarudin, Prof. Madya Dr. Lukman Hanif Muhammad Audah dan Dr. Herdawatie Abdul Kadir serta ahli jawatankuasa pelajar.

Ikuti informasi terkini IET on Campus di pautan ini : <https://www.theiet.org/career/routes-to-engineering/student-hub/on-campus/find-your-universitys-on-campus-group/>

UTHM raih kejayaan dalam Pertandingan Malaysia Culinary World Cup



KUALA LUMPUR – Kumpulan peserta dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih 11 pingat dan diploma dalam pelbagai kategori ketika menyertai pertandingan Malaysian Culinary World Cup 2023 pada 21 hingga 23 Februari 2023 lalu bertempat di World Trade Center, Kuala Lumpur.

Para peserta berjaya meraih tiga pingat emas dalam kategori WC30 Malaysian Cuisine 5 Courses, WC32 Kerabu/Umai dan WC05 Platted Dessert, tiga perak melalui kategori WC33 Special Fried Rice, WC38 Ikan Sungai dan WC 28 Malaysia Rendang 4 dan empat gangsa melalui kategori WC48 Asian Cuisine 3 Courses, WC57 Teh Tarik Live, WC52 Modern Main Course Lamb dan WC50 Modern Main Course

Sementara itu, dua peserta UTHM juga berjaya meraih diploma dalam kategori WC 09 Cup Cake Show-Piece dan WC15 2-tier Cream Cake.

Lebih manis lagi, Felo Industri FPTV, Afif Naim Abd Rani pula berjaya merangkul pingat gangsa melalui kategori WC53 Open International Chef; Modern Main Course Fish or Seafood.

Menariknya, kategori yang disertai oleh kumpulan chef tempatan dan antarabangsa itu sekali gus membuktikan kejayaan beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa.

11 peserta yang menyertai pertandingan itu merupakan pelajar dari program Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan Makanan dengan Kepujian dan Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Kepujian, FPTV.

Untuk rekod, pertandingan Malaysian Culinary World Cup anjuran Malaysia Bersatu Culinary Association itu merupakan salah satu pertandingan kuliner terbesar di dunia yang diiktiraf oleh Guinness World Records.

100 Juri Profesional Chef tempatan dan antarabangsa dari Sweden, Itali, United Kingdom, Mesir, Morocco, Korea, Mexico, Malaysia dan negara-negara jiran telah ditugaskan untuk mengadili 64 kategori dalam pertandingan tersebut.

Antara juri profesional antarabangsa yang terkenal termasuk Presiden Dunia Bakery and Confectionery, Gunther Koerffer dari Sweden, World Association of Chef Society, Chef Montaser Mohamed Masoud dari Mesir dan Michelin Star Chef Vedat Gokcen dari Belgium.

Manakala antara juri profesional dari Malaysia pula diwakili oleh Master Chef Itali Malaysia, Chef Azizan Shukri; Chef Warisan Nyonya Veteran, Chef Amy Beh dan Ketua Pegawai Operasi Kuala Lumpur Tower 360, Chef Dato Ringo Khaw.

Menurut Dekan FPTV, Profesor Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq kejayaan tersebut merupakan satu pencapaian besar bagi para peserta.

“Semoga kejayaan ini dapat menjadi batu loncatan kepada FPTV untuk menghantar wakil ke pertandingan seterusnya yang akan berlangsung pada bulan Julai 2023 di Jakarta, Indonesia.

“Pihak kami mengucapkan terima kasih kepada pihak Secangkir Kopitiam Koperasi UTHM yang menaja sebahagian besar perbelanjaan semua wakil peserta UTHM untuk ke pertandingan ini,” katanya.





Pelajar UTHM bangunkan SPAH, beri alternatif kepada komuniti dapat bekalan air mencukupi

BATU PAHAT – Bagi membekalkan air yang mencukupi, 41 pelajar bersama pensyarah Kursus Rawatan dan Sumber Air, Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengambil inisiatif membangunkan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di Surau Ar Rahim, Kampung Parit Rasipan, Parit Raja.

SPAH ialah aktiviti mengumpul dan menyimpan air semula jadi (hujan) untuk kegunaan harian dan mengelakkannya daripada tersejat akibat daripada sebarang aktiviti hidrologi.

Inisiatif itu dilaksanakan setelah kajian awal mendapati surau berkenaan adakalanya menghadapi masalah bekalan air yang tidak mencukupi.

Menurut pensyarah kursus, Ts. Sharifah Meryam Shareh Musa antara masalah utama yang berlaku ialah aliran air yang perlahan terutama di waktu puncak dan masalah gangguan bekalan air pada waktu berlangsungnya majlis ilmu di surau berkenaan.

Tambah beliau, perbincangan lanjut telah diadakan bersama pihak pengurusan surau dan cadangan membangunkan SPAH telah

dikemukakan sebagai alternatif kepada masalah yang dihadapi.

“Konsep asas yang perlu ada dalam sesuatu pembinaan sistem penuaian air hujan adalah kawasan tadahan iaitu bumbung, parit atau gutter untuk mengumpul dan mengalirkan air hujan serta penapis dan tangki sebagai tempat penyimpanan air hujan.

“Manakala saiz tangki yang diperlukan pula bergantung kepada berapa luas kawasan tadahan, jumlah hujan di kawasan tersebut dan kadar penggunaan air di tempat yang akan dipasang.

“Berdasarkan kepada maklumat berikut, reka bentuk dan kos pemasangan tangki dapat ditentukan,” katanya.

Bagi merealisasikan projek berkenaan, pelajar yang terlibat telah melakukan tinjauan, pengukuran dan membuat pengiraan bagi mendapat satu reka bentuk sistem yang terbaik.

Keseluruhan proses pembinaan seperti pembinaan tapak, lantai, struktur untuk peletakan tangki air dengan kapasiti sebanyak 600 gelen dan sistem perpaipan berjaya dibina mengikut keperluan.

Untuk rekod, projek khidmat komuniti itu turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Kampus Lestari, Yayasan UTHM dan Center of Project, Property and Facilities Management Services.

Pelaksanaan projek itu secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar kursus berkenaan untuk mengaplikasikan semua ilmu berkaitan pembinaan yang dipelajari di dalam bilik kuliah secara teori terus ke lapangan

melalui satu projek sebenar.

FFTP berharap projek SPAH itu dapat memberi manfaat kepada komuniti setempat sekali gus menyelesaikan masalah yang dihadapi sebelum ini.

“Projek ini juga diharap dapat menjadi contoh kepada masyarakat dalam mencari sumber air alternatif dengan menggunakan sumber air semula jadi untuk kegunaan harian.

“Sistem yang dibangunkan ini harap bukan sahaja dapat mengurangkan kos pembayaran bil air bulanan, namun dapat menjadi salah satu kaedah penyelesaian masalah sumber air yang semakin kritikal pada masa kini,” kata Sharifah Meryam.





UTHM-PAM-MBJB anjur 'Architectural Heritage Inventory 2023' – mahu pelihara warisan senibina bangunan

UTHM – Jabatan Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bekerjasama dengan Pertubuhan Akitik Malaysia (PAM) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menganjurkan program 'Architectural Heritage Inventory @ Johor Bahru' pada 30 dan 31 Januari 2023 sebagai usaha memelihara warisan senibina.

Program tersebut diadakan bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja inventori dokumentasi digital bagi bangunan warisan yang terdapat di sekitar kawasan bandaraya Johor Bahru menggunakan teknik *photogrammetry*, yang merupakan salah satu teknik dan kepakaran yang ditawarkan di bawah program pengajian senibina, FKAAB.

Kerja-kerja inventori itu telah dilaksanakan oleh pelajar-pelajar senibina di bawah bimbingan pensyarah Dr. Azmal Sabil, Nasrul Arif Ahmad Mahmud, Ts. Dr. Noor Dina Md Amin, Nor Azizah Adnan dan Puan Nadiyah Noor Hisham serta turut dibantu oleh Kelab Pelajar Senibina UTHM.

Program selama dua hari itu dirasmikan oleh Dekan FKAAB, Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan

Juki bertempat di Galeri Kampus Bandar, UTHM.

Hadir sama, Naib Presiden Pertubuhan Akitik Malaysia, Prof. Adj. Ar. Adrianta Aziz yang juga merupakan Profesor Adjung bagi program senibina di UTHM serta yang Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, Masliza Samuri selaku wakil Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Pada majlis tersebut, wakil PAM merangkap penyelaras program, Datin Dr. Nor Hayati Hussain memberi ucapan yang bertajuk 'Urban Heritage Under Threat' diikuti sesi latihan oleh Dr. Azmal Sabil yang merupakan penyelaras daripada UTHM, bertajuk 'City Campus Photogrammetry.'

Dr. Azmal berkata selari dengan aspirasi GTU 2030, kerja-kerja inventori oleh pelajar senibina UTHM yang dilaksanakan pada 31 Januari lalu telah diberi imbuhan bersesuaian oleh PAM berdasarkan khidmat kepakaran yang telah mereka tawarkan.

"Program ini dilihat mempunyai potensi yang besar dalam usaha memelihara warisan senibina yang masih wujud pada hari ini.

"Usaha mendokumentasi bangunan warisan adalah sangat penting sebagai rujukan pada

masa hadapan, sementara bangunan-bangunan yang kaya dengan nilai dan kebitaraan pemikiran generasi terdahulu ini masih utuh berdiri.

“Kepentingan mengenai usaha pemeliharaan warisan senibina harus didedahkan dengan lebih awal kepada pelajar senibina dalam melahirkan arkitek masa hadapan yang sensitif, peka dan bertanggungjawab memelihara warisan dan budaya bangsa,” katanya.





Program Inap Desa Herba bantu komuniti pelbagaikan produk, rancang aktiviti pelancongan

MUAR – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dengan kerjasama Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), Yayasan UTHM dan Koperasi Homestay Kampung Parit Bugis Muar Berhad telah menganjurkan Program Inap Desa Herba pada 18 dan 19 Januari 2023.

Program perkongsian ilmu yang dilaksanakan di Homestay Kampung Parit Bugis itu bertujuan memberi pendedahan kepada komuniti luar bandar khususnya para pengusaha inap desa di sekitar daerah Muar mengenai produk hiliran bagi merencanakan lagi aktiviti pelancongan pada era pasca Covid-19.

Pelaksanaannya juga bagi memberi ruang dan peluang kepada pelajar UTHM untuk meningkatkan kemahiran komunikasi serta dapat berkongsi pengetahuan teori dan aplikasi bersama komuniti di luar kampus.

Program kendalian 12 pelajar program Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) itu mendapat sokongan yang

amat baik daripada komuniti setempat.

Mereka juga merupakan ahli persatuan Planeteers UTHM yang dinaungi oleh Sr. Ts. Dr. Nazirah Mohamad Abdullah.

Bagi mencapai objektif, sebanyak empat modul telah dikongsikan oleh para pensyarah FAST selaku jawatankuasa tertinggi program.

Pengisiannya melibatkan slot pembuatan ais krim nenas yang disampaikan oleh Dr. Nurhafizah Malik, pembangunan produk sabun nenas daripada minyak masak terpakai dan sisa kulit nenas oleh Ts. Dr. Siti Fatimah Sabran serta pembuatan cenderahati resin menggunakan tumbuhan herba oleh Dr. Salasiah Mohamad.

Turut diadakan, satu sesi ceramah mengenai program 'Pengalaman Homestay Malaysia' yang disampaikan oleh Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Johor, Magdlane Tuborg Melai.

Menurut penyelaras Homestay Kampung Parit Bugis, Haji Saifudin Haji Mohd Kodak

merangkap penyelaras Homestay Negeri Johor, program seumpama itu dapat meningkatkan daya saing dan mencambah idea kreatif komuniti dalam mempelbagaikan produk dan aktiviti pelancongan sedia ada yang mempunyai keunikan dan identiti tersendiri.

Beliau dan semua pihak yang terlibat turut berterima kasih dan menyatakan persetujuan untuk terus bekerjasama erat dalam menjayakan program pemindahan ilmu sebegitu pada masa akan datang.

Sijil penyertaan dan penghargaan turut disampaikan kepada semua peserta dan jawatankuasa yang terlibat menjayakan program.

Berbekalkan slogan "*Shaping the Livable Nature*," beberapa siri program komuniti telah pun dan akan diadakan pada masa akan datang sebagai salah satu inisiatif UTHM berbakti kepada komuniti setempat dalam memastikan kelestarian alam sejagat terjamin.





IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME

Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

WEB SPECIALIST

PENGURUS PROJEK WEB

PENGANALISA WEB

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PEREKA WEB



KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usah sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekat kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



**“Memacu Transformasi TVET
Menuju
Universiti Teknousahawan Global”**